

## **BAB LIMA**

## **PENUTUP**

## BAB LIMA

### PENUTUP

#### 5.0 Pengenalan

Sebagai pendokong kebenaran, pencinta agama dan pewaris *risālah* nabi-nabi, marilah kita merenungi firman Allah S.W.T ;

فَإِنْ تَشَرَّعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوا إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَاللَّيْلَةِ الْآخِرَةِ

Maksudnya :

“Jika kamu berselisihan dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Qur'an) dan (Sunnah) rasulnya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat.”

Surah *al-Nisā'* (5): 59.

Jelaslah bahawa doktrin *Nūr Muḥammad* amat jauh terpesong daripada hidayah al-Qur'an dan al-Hadith Nabi Muhammad S.A.W. Ia adalah ajaran sesat yang dibawa masuk ke dalam ajaran Islam apabila umat Islam melupakan amaran Rasulullah yang berbunyi:<sup>302</sup>

ثَرَكْتُ فِيمُّ أَغْرَيْنِي لَنْ تَضْلُلُوا مَا تَمَسَّكُمْ بِهِمَا كِتابَ اللَّهِ وَسَيْرَةَ نَبِيِّ

<sup>302</sup> Malik bin Anas (1999), *op.cit.*

Maksudnya:

“Aku tinggalkan untuk kamu dua perkara, yang mana selama mana engkau berpegang kepada keduanya kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitulah kitab Allah dan Sunnah Rasulnya.”

Sepatutnya umat Islam dari mana-mana mazhab atau anutan tarekat, menjadikan al-Qur'an sebagai dasar dan pegangan mereka, bukannya mengambil cerita-cerita ajaib yang berbentuk penglipurlara, dongeng atau khurafat untuk dijadikan sandaran pegangan akidah. Ajaran Islam sebenarnya merupakan suatu ajaran murni lagi mudah sekaligus memerangi segala bentuk khurafat yang disebut di atas.

Terbukti pada zaman kini ilmu-ilmu berhubung dengan *Nūr Muḥammad*, Martabat Tujuh dan lain-lain amat kurang diperbincangkan malah hampir tidak dikenali oleh generasi baru yang berpendidikan agama sama ada di dalam negeri, di rantau Nusantara mahu pun di Tanah Arab. Mengapakah fenomena ini berlaku? Persoalan ini telahpun terjawab berdasarkan kajian yang telah penulis lakukan ini dan beberapa penulis lain sebelum ini.

Sekiranya diadakan perbahasan secara ilmiah anjuran mana-mana pihak yang berwibawa, penulis menjangkakan kebatilan akan dapat dihapuskan dan kebenaran akan dapat ditegakkan.

## 5.1 Kesimpulan

Secara umumnya kajian ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri yang tidak dapat dinafikan oleh para pencinta ilmu dan pencinta kebenaran Islam. Pelbagai metode telah digunakan demi untuk memperolehi maklumat yang menyeluruh, data-data yang berwibawa dan analisa yang adil terhadap fahaman *Nūr Muḥammad* ini.

Kelantan sebagai negeri pertama menerima dakwah Islam di Malaysia, mempunyai sejarah sistem pendidikan yang cemerlang. Suatu ketika negeri ini pernah menjadi tumpuan para ulama dan penuntut ilmu. Dengan jolokan Serambi Mekah, Kelantan terus mengetuai negeri-negeri lain dalam mengurus dan mentadbir hal ehwal agama Islam melalui medium institusi pentadbirannya yang mantap dan berautoriti bagi mengembang, memelihara dan memartabatkan Islam.

Penulisan ini menjurus pula kepada pemahaman doktrin fahaman *Nūr Muḥammad*. Jelaslah kepada kita bahawa fahaman ini tidak mempunyai sandaran nas-nas yang sahih daripada al-Quran mahupun al-Sunnah. Begitu juga kupasan-kupasan terhadap beberapa konsep yang berkaitan dengan fahaman ini seperti doktrin Martabat Tujuh, teori *Insān Kāmil*, *Syī'ah*, *Wahdah al-Wujūd*, teori falsafah Neo-Platonisme, penciptaan makhluk pertama dan penciptaan manusia pertama, telah menyingkap pelbagai tabir dan misteri yang mengelirukan dan boleh mengancam akidah umat Islam.

Menerusi kajian literature yang dijalankan, terdapat pelbagai kitab dan buku yang mengungkapkan persoalan *Nūr Muḥammad* yang setengah-setengahnya masih boleh didapati dengan mudahnya di kedai-kedai sekitar negeri Kelantan. Kebanyakan hasil-hasil literature tersebut tidak mempunyai wibawa dan tidak menepati disiplin penulisan ilmiah Islam yang amat mementingkan kejelasan fakta dan kesahihan dalil. Ternyata pandangan-pandangan peribadi, pentafsiran al-Quran berdasarkan akal, pengalaman-pengalaman sufi yang tidak dapat disahkan dan cerita-cerita khayalan serta beberapa aspek tertentu daripada dogma-dogma dan doktrin-doktrin yang ditolak oleh para ulama telah dijadikan sebagai inti dan teras fahaman ini.

Meninjau kepada penganalisisan yang dibuat, kebanyakan persoalan yang dikemukakan kepada para responden telah mendapat reaksi yang secara ironinya, tidak memihak kepada fahaman *Nūr Muḥammad*. Jelasnya fahaman ini semakin terhakis dan tidak mempunyai warisan pendokong yang kuat.

Kesimpulan keseluruhan terhadap kajian ini, penulis mendapati bahawa doktrin *Nūr Muḥammad* yang menjadi pegangan serta kepercayaan sebilangan masyarakat Kelantan bahkan di seluruh persada Nusantara adalah bercanggah dan tidak menepati ajaran Islam sebenarnya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. walaupun saki-baki pendokongnya masih terdapat di sekitar negeri Kelantan.

## **5.2 Seruan Dan Cadangan**

Hasil daripada kajiselidik, wawancara, analisis data-data dan kesimpulan berkenaan tajuk desrtasi ini penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan dan seruan kepada pihak-pihak tertentu demi menjaga kesucian agama Islam serta akidah ummatnya dari tercemar ataupun rosak sama ada secara sengaja maupun tanpa disedari.

### **5.2.1. Pihak berkuasa.**

Pihak berkuasa sebagai pelaksana undang-undang hendaklah menangani permasahan ini secara serius, bukannya sambil lewa sahaja. Diantara langkah yang boleh dilakukan oleh pihak berkuasa ialah:

- i. Membuat kajian kembali secara mendalam terhadap kitab-kitab tasawuf yang terdapat di negeri ini, khususnya yang masih diajarkan kepada orang ramai ataupun individu-individu tertentu. Penulis mendapati sesetengah kitab ini masih diajarkan kepada masyarakat sama ada di rumah “tok-tok guru” ataupun tempat pengajian awam. Kelas pengajian di rumah “tok-tok guru” ini dihadiri oleh mereka yang tidak mempunyai asas agama yang cukup manakala tok gurunya pula tidak mengetahui kaedah dan asas bahasa Arab yang betul. Tentu sekali akan berlaku kesilapan semasa proses pembelajaran berlangsung, lebih-lebih lagi apabila ilmu yang diajarkan itu menyentuh persoalan ketuhanan dan kebatinan.

Lebih malang lagi apabila khalayak yang belajar itu pula tidak dapat membuat saringan disebabkan kekurangan atau tiada mempunyai ilmu agama yang mencukupi.

ii. Pegawai-pegawai di jabatan-jabatan agama mestilah “turun padang” serta sensitif dengan segala unsur ajaran sesat yang melanda masyarakat. Janganlah hanya menunggu ada laporan daripada orang ramai baharulah hendak bertindak. Apa yang dibimbangkan ialah kadang-kadang sesuatu ajaran sesat itu dirasakan betul pada pandangan masyarakat awam kerana mereka tidak mempunyai ilmu yang cukup bagi membuat pertimbangan sama ada sesuatu ajaran itu betul atau salah. Contoh terdekat ialah mengenai ajaran *Nur Muhammad* ini.

iii.. Penerangan hendaklah dilakukan secara berterusan dan meluas oleh Jabatan Agama Islam tempatan dengan bantuan para ulama dan ahli akademik yang mahir dalam bidang ini. Media massa seperti televisyen, radio dan akhbar-akhbar mestilah digunakan bagi membantu menghebahkan sesuatu fatwa ataupun ajaran-ajaran yang menyeleweng dari Islam.

### **5.2.2. Ulama**

Oleh kerana doktrin *Nur Muhammad* ini dibawa oleh mereka yang bergelar ulama, manakala yang menentangnya juga terdiri dari kalangan ulama, penulis merasakan sudah tiba masanya para ulama ini bersemuka untuk berbincang seterusnya mencari titik persamaan. Penulis yakin, semua individu

sama ada yang bergelar ulama ataupun tidak, masing-masing inginkan kedudukan yang istimewa dan hampir dengan Tuhan mereka. Begitu juga setiap muslim memberi sanjungan dan pujian yang tinggi kepada Nabi Muhammad S.A.W. Oleh yang demikian, sekiranya sesuatu pegangan dan hujah itu bertepatan dengan kaedah-kaedah ajaran Islam, sepatutnya sebarang percanggahan pendapat boleh dihindarkan.

### **5.2.3. Masyarakat.**

Dalam mempelajari dan menerima sesuatu ajaran, khususnya yang berkaitan dengan Ketuhanan, Kenabian atau aspek yang lain berkaitan Islam, anggota masyarakat mestilah berhati-hati agar tidak tersilap langkah dan menerima sesuatu ajaran dengan membuta-tuli. Sebarang kekeliruan hendaklah segera dirujuk kepada mereka yang benar-benar mahir di dalam bidang tersebut. Masyarakat mesti faham bahawa setiap bidang ilmu itu ada ahlinya. Apa yang paling penting ialah masyarakat hendaklah sentiasa mencontohi perjalanan sirah Rasulullah S.A.W. di dalam setiap tindak tanduk dan amalan seharian. Sekiranya ini dilakukan, nescaya manusia tidak akan sesat selama-lamanya.

Sebagai penutup kajian ini, penulis ingin menyeru semua pihak agar kembali kepada dua sumber rujukan yang utama dalam Islam, iaitu al-Qur'an dan al-Hadith yang sahih. Inilah sahaja jalan yang dijamin selamat dari sebarang kesesatan.

Akhir sekali penulis memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat sebarang kesilapan di sepanjang kajian ini.

وَمَا أُرِيدُ أَنْ أُخَالِفْكُمْ إِلَى مَا أَنْهَاكُمْ عَنْهُ إِنْ أُرِيدُ إِلَّا إِصْلَاحَ  
مَا أَسْتَطَعْتُ وَمَا تَسْؤِيَقُنِ إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوْكِثُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ

“(Patutkah aku berdiam diri dari melarang kamu) sedangkan aku tidak bertujuan hendak melakukan sesuatu yang aku melarang kamu daripada melakukannya? Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku, dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepada-Nya jualah aku kembali.”

وَإِخْرُ دَعْوَنَهُمْ أَنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ